

BERI KEFAHAMAN PENJAGAAN BUAH PINGGANG

Bersempena Hari Buah Pinggang Sedunia (WKD 2018), Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) akan menganjurkan hari terbuka pada 8 Mac ini di Pusat Sumber NKF Berjaya bermula jam 9 pagi hingga 4 petang.

Pelbagai acara menarik akan diadakan pada hari itu seperti pertunjukan tarian kecergasan Bollywood yang diketuai bekas pengurus kecergasan Celebrity Fitness, Bhangra Kirenjit Singh.

Bagi memberikan lebih kefahaman mengenai penjagaan buah pinggang, pemeriksaan kesihatan percuma turut disediakan untuk orang ramai. Mereka diberi peluang mengesan tekanan darah, paras glukosa dalam darah, tahap kolesterol dan sesi kaunseling bersama pegawai kesihatan NKF. Dijalankan juga kempen pendermaan organ untuk meningkatkan kesedaran pengunjung dalam membantu pesakit lain.

Menurut Pengurus Perunding Medi Diastika Sdn Bhd Nizam Yusof, pendermaan organ mempunyai banyak kebaikan kepada penerima kerana ia memberikan kehidupan baru kepada mereka yang memerlukan. Bagi penderma pula ia mendidik jiwa untuk menjadi lebih menghargai di antara satu sama lain.


Pada masa sama pemeriksaan kesihatan turut dijalankan bagi menggalakkan orang ramai menjaga pemakanan dan buah pinggang mereka.

“Pemeriksaan kesihatan awal membantu mengenal pasti sebarang ketidaknormalan pada badan. Inilah yang ramai orang tidak lakukan kerana bimbang menerima berita yang kurang enak sekiranya mereka menjalani pemeriksaan awal,” katanya.

Membawa tema Menghargai dan Memperkasakan Kesihatan, pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia Dr Nor Fadhlina Zakaria diberi peluang menyampaikan ceramah kesihatan mengenai suplemen, wanita dan kaitannya dengan buah pinggang. Jika ada kelapangan, jangan lepaskan peluang untuk belajar ilmu berkaitan kesihatan buah pinggang kerana ia berkait rapat dengan gaya hidup dan amalan pemakanan seseorang.

Hari Buah Pinggang Sedunia yang diadakan pada Mac ini turut mempromosikan pendidikan, penjagaan kesihatan serta pencegahan penyakit buah pinggang yang memberi tumpuan kepada wanita dan kanak-kanak perempuan.

Acara ini juga akan meningkatkan kesedaran mengenai keperluan untuk diagnosis dan tindak balas yang betul terhadap penyakit buah pinggang kronik semasa kehamilan. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti NKF dan pendermaan organ sila layari <http://www.nkf.org.my>.



JAGA buah pinggang anda.